

08 OCT 2002

Palestin-Baitulmaqdis/I

M'SIA BOLEH KETUAI DUNIA ISLAM MENGENAI BAITULMAQDIS

PUTRAJAYA, 8 Okt (Bernama) -- Malaysia, berdasarkan pengaruh kuatnya di Asia dan dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) boleh memainkan peranan utama mewakili dunia Islam untuk mengisytiharkan pendirian mereka berhubung Baitulmaqdis, kata Menteri bagi Baitulmaqdis Palestin Dr Sari Nusseibeh hari ini.

"Saya percaya Malaysia mempunyai kedudukan amat penting kerana ia sebuah negara Islam dan kedudukannya yang utama di Asia dan dalam OIC," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar di Wisma Putra di sini.

Dr Nusseibeh berkata tindakan Amerika Syarikat menandatangani rang undang-undang mengisytiharkan Baitulmaqdis menggantikan Tel Aviv sebagai ibu negara Israel merupakan satu langkah duluan berbahaya.

"Hakikat bahawa beliau (Presiden George W. Bush) menandatangani akta itu adalah amat berbahaya dan perlu ada bantahan yang kuat oleh OIC mengenainya," katanya.

Dr Nusseibeh berkata adalah menjadi tanggungjawab OIC untuk menyatakan pendiriannya walaupun kemungkinan sebarang tindakan bagi kepentingan Palestin tidak akan menjadi memandangkan sokongan kuat Amerika terhadap Israel.

"OIC perlu sekurang-kurangnya menyatakan pendiriannya kerana ini merupakan satu tindakan Amerika yang di luar kebiasaan. Jadi jika OIC sendiri mengambil pandangan serius, ia satunya langkah yang baik, Kita perlu berusaha bersama melindungi status Baitulmaqdis daripada terus tergugat," katanya.

Ditanya sama ada Palestin akan meminta diadakan satu sidang tergempar OIC, Nusseibeh berata pentadbiran Palestin telah pun meminta ia diadakan dan terpulang kepada pertubuhan itu untuk melakukannya.

Dr Nusseibeh berada di Malaysia untuk lawatan kerja tiga hari dan dijadual mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Semasa pertemuannya dengan Syed Hamid hari ini, Dr Nusseibeh memberi penerangan mengenai perkembangan terkini di Baitulmaqdis dan wilayah yang diduduki di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat.

Sementara itu, Syed Hamid mengulangi pendirian Malaysia selama ini mengenai Baitulmaqdis yang perlu dikekalkan status quo nya sehingga satu penyelesaian damai berpanjangan dicapai antara Palestin dan Israel.

"Kita mahu kedudukan Baitulmaqdis dikekalkan status quonya sehingga proses keseluruhannya diselesaikan. Ini juga merupakan pendirian masyarakat antarabangsa. Saya berpendapat bahawa adalah satu langkah berbahaya untuk menukar keadaan itu kerana ia akan membakar lagi perasana dan emosi umat Islam di seluruh dunia," katanya.

Syed Hamid turut meraikan Nusseibeh pada jamuan tengah hari dengan anggota diplomat dari kalangan anggota OIC di Kuala Lumpur yang turut hadir untuk menunjukkan sokongan mereka terhadap Palestin.

-- BERNAMA

LES RBZ AHH RON